

**MUKJIZAT SABAR DALAM AL-QURAN.** 2013. Yusuf al-Qaradhawi. Terjemahan: Muhsin Ahmad dan Abdul Hadi Ishak. Penerbit: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd: Selangor. 2013. Halaman: 252. ISBN: 9789670127583

Sabar merupakan akhlak mahmudah yang sangat dituntut untuk memilikinya. Islam amat menitikberatkan tentang penerapan nilai sabar dalam kehidupan seseorang Muslim. Buku ini sangat menarik untuk dibaca kerana menyediakan panduan pemupukan nilai sabar dalam diri. Selain itu, ia turut membincangkan secara mendalam konsep sabar dari perspektif al-Quran, kedudukan sabar dan golongan sabar yang disebutkan di dalam al-Quran.

Buku ini telah diterjemahkan daripada karya asal pengarang iaitu *Al-Sabr Fi Al-Quran* terbitan Maktabah Wahbah, Kaheerah. Penulisan buku ini meliputi konsep sabar seperti hukum bersabar, pembahagian sabar, kolerasi sifat sabar dengan sifat kerohanian dan kedudukan orang yang sabar dalam Islam. Buku ini turut menyingkap pendekatan al-Quran dalam penerapan sabar dengan membawakan kisah-kisah golongan yang sabar yang terdiri daripada rasul *ulul azmi* dan rasul-rasul lain.

Karya ini dilihat sebagai keperluan dalam kehidupan Muslim kini lantaran pandemik COVID-19 yang melanda. Pandemik ini banyak memberi kesan negatif berbanding positif kepada kehidupan manusia. Justeru, buku ini wajar untuk dibaca kerana ia mampu menjadi motivasi agar manusia kekal positif dalam mengharungi kehidupan yang penuh onak dan duri.

Buku setebal 252 halaman ini mengandungi 5 bab. Secara keseluruhannya, ia diolah dan disusun dengan penulisan yang kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai sabar dari perspektif al-Quran. Setiap bahagian dimulai dengan tajuk atau kata kunci berbentuk soalan yang menarik dan mampu menjadi daya tarikan kepada masyarakat untuk membacanya.

Penulis memulai penulisan dengan menjelaskan hakikat sabar dalam al-Quran. Perkataan sabar sangat banyak disebut dalam al-Quran baik dalam surah Makkiyyah mahupun Madaniyyah. Imam al-Ghazali menyatakan perkataan sabar disebut lebih daripada 70 kali. Manakala Imam Ibn Qayyim dalam kitabnya *Madarij al-Salikin* menukulkan kata Imam Ahmad bin Hanbal bahawa perkataan sabar diulang sebanyak 90 kali. Abu Talib Al-Makki dalam kitabnya *Qut al-Qulub* turut menyokong kenyataan ini.

Sabar bermaksud menahan dan mencegah. Sabar juga bermaksud gelisah dan bimbang. Manakala sabar dalam al-Quran membawa maksud menahan jiwa daripada sesuatu yang dibenci bagi mendapatkan keredaan Allah SWT. Di dalam al-Quran, Allah SWT menghimpunkan bentuk sabar dalam surah al-Baqarah ayat 177. Kesabaran perlu ada ketika dalam kesempitan, kesakitan, kefakiran dan kemiskinan serta dalam peperangan.

Bersabar hukumnya adalah wajib secara ijmak sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Ibn Qayyim. Terdapat banyak dalil daripada al-Quran berkaitan kewajipan sabar. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 200 yang bermaksud:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu “*

Abu Talib al-Makki ada menyebutkan bahawa “Sesungguhnya sabar adalah suatu kefarduan dan kemuliaan. Ia boleh diketahui melalui hukum asal sesuatu keadaan atau perbuatan.

Sekiranya hukum tersebut ialah wajib, maka wajiblah bersabar baginya. Jika hukum sesuatu itu adalah sunat, maka sabar ketika itu menjadi kemuliaan baginya". Jelas di sini bahawa bersabar dalam melakukan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya adalah wajib. Manakala seseorang manusia itu dipandang mulia ketika sabar dalam melakukan perkara-perkara dalam kategori sunat.

Bab kedua pula memfokuskan tentang pembahagian sabar dalam al-Quran. Antara jenis sabar ialah sabar dengan ujian di dunia dan sabar dari dorongan nafsu. Sabar ini menuntut manusia untuk menahan diri daripada keinginan nafsu yang secara fitrahnya gemar kepada kebendaan, perhiasan, kecantikan dan kesenangan. Kesenangan juga merupakan ujian yang perlu kita hadapi dengan sebaik-baiknya. Tidak dapat dinafikan bahawa Allah SWT menjadikan nikmat dan kemuliaan sebagai ujian dan bala. Justeru, orang yang beriman perlu bersabar dalam menghadapi kesenangan dan kenikmatan hidup sebagaimana bersabar ketika menghadapi musibah dan kesukaran hidup.

Seterusnya ialah sabar dalam mentaati perintah Allah SWT. Sabar dalam mentaati perintah Allah SWT menuntut hamba-Nya agar sabar dalam tiga keadaan iaitu sebelum melakukan ibadat, sabar ketika melakukan ibadat dan selepas melakukannya. Waktu yang ketiga iaitu sabar selepas melakukan ibadat merupakan kemuncak sabar. Jika kita tidak mampu untuk bersabar, maka ada kemungkinan kita akan terjebak dalam perkara yang dilarang seperti bersifat riyak dan ujub. Perbuatan sedemikian sudah pasti akan merosakkan amal kita.

Jenis sabar yang seterusnya ialah sabar menempuh ranjau dalam berdakwah. Al-Quran merakamkan kehidupan para rasul begitu dahsyat diuji ketika menyeru umatnya ke jalan Allah SWT. Seterusnya, bersabar ketika peperangan juga perlu sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Jenis sabar ini perlu ada dalam diri ketika berhadapan dengan musuh kerana lari dari medan perang merupakan dosa besar dalam Islam. Jenis sabar yang terakhir ialah sabar ketika berinteraksi sesama insan. Islam mengajar umatnya untuk bersabar apabila berinteraksi dengan orang di sekeliling sama ada mereka terdiri daripada kalangan ahli keluarga mahupun sebaliknya. Al-Quran menjelaskan kaedah berinteraksi seperti mengutamakan akal daripada perasaan ketika menzahirkan sesuatu, menahan diri daripada mengikut hawa nafsu, berhujah dengan baik, menjaga tingkah laku daripada melakukan perkara yang tidak disenangi dan menjaga sensitiviti serta adab ketika berinteraksi.

Bab yang seterusnya pula membincangkan kedudukan sabar dan orang-orang yang sabar dalam al-Quran. Sabar merupakan akhlak teragung sehinggakan al-Quran menjadikannya sebagai kunci bagi setiap kebaikan. Al-Quran menghubungkan sifat sabar ini dengan nilai agama yang tinggi selain menjadikannya akhlak yang wajar dicontohi kerana ia mengandungi pelbagai kelebihan dan keistimewaan. Al-Quran menghubungkan sifat sabar dengan yakin, syukur, tawakkal, solat, tasbih, istighfar, jihad, kebenaran dan rahmat.

Selain itu, amal soleh turut dihubungkan dengan sabar kerana tanpa sabar, manusia tidak akan dapat melakukan amal soleh dengan sebaiknya. Sifat takwa dan sabar juga saling berhubung antara satu dengan yang lain. Kitab Qut al-Qulub menjelaskan bahawa kedua-dua sifat tersebut tidak akan sempurna kecuali dikaitkan bersama. Ini kerana sabar adalah sebaik-baik keadaan dan takwa pula adalah *a'la maqamat* (kedudukan yang tertinggi).

Terdapat banyak kelebihan yang akan diperolehi apabila kita melazimi diri dengan sifat sabar. Antara kebaikan sabar ialah Allah SWT sentiasa bersama dengan orang-orang yang sabar,

mendapat kasih sayang Allah dan mendapat khabar gembira. Selain itu, Allah SWT juga menyempurnakan ganjaran kepada orang sabar tanpa batasan serta memberi pertolongan dan bantuan kepada mereka. Kesabaran juga membantu seseorang untuk mendapatkan *imamah* (kepimpinan) dalam Islam. Orang yang sabar juga terpelihara daripada tipu daya musuh serta dijanjikan ganjaran syurga daripada Allah SWT.

Bab keempat pula memfokuskan golongan sabar yang disebut dalam al-Quran. Mereka terdiri daripada para rasul dan rasul yang tergolong dalam ulul azmi. Al-Quran mengajar umat Islam untuk mencontohi sabar rasul ulul azmi sebagaimana difahami daripada firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf ayat 35. Kisah para nabi terdahulu seperti Nabi Ayyub, Nabi Yaaqub, Nabi Yusuf dan Nabi Ismail wajar dicontohi oleh umat Islam. Nabi Ayyub sangat sabar ketika ditimpa penyakit sehingga Allah memujinya dalam surah Sad ayat 4.

Nabi Yaaqub pula diuji dengan perpisahan antara baginda dengan anak-anak yang dikasihinya iaitu Yusuf dan Bunyamin. Ternyata kesabaran Nabi Yaaqub mendorongnya untuk yakin bahawa di sebalik ujian, pasti akan ada kesenangan. Nabi Yusuf AS bersabar ketika diuji daripada melakukan dosa kepada Allah SWT dan bersabar untuk tidak mengikuti kemahuan nafsu. Nabi Ismail pula merupakan individu yang bersabar kerana taat kepada perintah Allah SWT walaupun baginda berada dalam keadaan bahaya.

Rasul ulul azmi yang terdiri daripada Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad SAW tidak kurang hebatnya ditimpa ujian. Mereka mengalami banyak penderitaan, kesakitan dan ujian berbanding rasul-rasul yang lain. Jelas menunjukkan bahawa mereka insan terpilih namun tetap menerima ujian yang sangat berat. Nabi Nuh berdakwah selama 950 tahun kepada kaumnya namun seruan baginda langsung tidak dipedulikan, malahan mereka benci untuk melihat baginda. Rasul ulul azmi sangat sabar dalam menyampaikan dakwah walaupun dikecam dan diugut dengan pelbagai kecaman dan ugutan. Selain dikecam dan diugut, mereka juga dcedera dan dipulaukan oleh kaumnya.

Pada bab kelima iaitu bab terakhir, Dr. Yusuf al-Qaradhawi menjelaskan bahawa terdapat lapan kaedah dalam menerapkan nilai sabar dalam diri. Kaedah tersebut ialah mengetahui hakikat kehidupan di dunia, mengenali hakikat manusia, yakin terhadap balasan baik Allah SWT, yakin dengan janji kemenangan daripada Allah SWT, memohon pertolongan daripada Allah SWT, mencontohi golongan yang sabar, mempercayai takdir dan ketentuan Allah SWT dan waspada terhadap halangan sifat sabar.

Bagi kaedah pertama iaitu mengetahui hakikat kehidupan di dunia, Allah SWT menyatakan bahawa kehidupan manusia adalah sering kali dilanda kelesuan dan keperitan. Allah SWT merakamkan dalam surah al-Balad, ayat 4 bahawasanya Dia menciptakan manusia itu sentiasa dalam kesulitan dan kesukaran. Justeru, manusia perlu memahami hakikat tersebut dan mempersiapkan diri secara fizikal dan mental tentang gambaran kehidupan yang kurang menyeronokkan.

Kaedah kedua dalam menerap sifat sabar ialah mengenali hakikat manusia. Ia bermaksud manusia perlu mengetahui bahawa dirinya adalah milik Allah SWT. Ini bermakna, semua yang dimilikinya juga adalah milik Allah SWT. Apabila berlaku sesuatu yang buruk ke atas kita dan kepunyaan kita, maka kita perlu ucapkan *inna lillahi wainna ilaihi rojiun* yang bermaksud “sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya kami Kembali”. Ibn Qayyim

pernah menyatakan bahawa kalimah ini adalah sebaik-baik penawar kepada orang yang ditimpa ujian dan musibah.

Kaedah yang seterusnya ialah yakin terhadap balasan baik Allah SWT. Sebagai orang Islam, kita perlu yakin bahawa golongan yang bersabar akan dikurniakan pahala atas kesabaran tersebut. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 58-59. Allah SWT juga menjanjikan balasan syurga kepada mereka yang bersabar dalam firmanNya yang bermaksud:

Maksudnya: *“Dan Dia memberi balasan kesabaran mereka dengan syurga dan (pakaian) sutera”* (al-Insan:12)

Maksudnya: *“Mereka itu akan diberi balasan dengan tempat yang tinggi (dalam surga) atas kesabaran mereka, dan di sana mereka akan disambut dengan penghormatan dan salam”.* (al-Furqan : 75)

Kaedah seterusnya untuk membantu kita bersifat sabar ialah yakin bahawa setiap kesusahan pasti ada kemudahan dan setiap kesempitan pasti ada kelapangan. Janji Allah SWT tentang kesenangan selepas kesempitan ini dapat dilihat dalam surah al-Talaq ayat 7. Ayat tersebut menyatakan bahawa Allah akan memberikan kesenangan selepas berlakunya kesusahan. Selain itu, dalam ayat 5 dan 6 surah al-Syarah, Allah mengulang lafaz “bersama kesusahan itu ada kemudahan” sebanyak dua kali. Ini adalah bagi menegaskan bahawa sesungguhnya bersama kesusahan itu pasti ada kemudahan.

Kaedah kelima dalam memupuk nilai sabar dalam diri ialah memohon pertolongan daripada Allah SWT. Islam mengajarkan kita agar memperbanyakkan doa ketika ditimpa kesusahan. Doa menjadi senjata bagi orang mukmin. Justeru sebagai hamba yang lemah, kita perlu berdoa agar Allah mengurniakan kesabaran yang tinggi untuk kita menghadapi segala ketentuanNya. Berdoa ketika menghadapi tingkah laku buruk makhluk-makhlukNya dan ketika menempuh ujian dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah. Selain itu, kita juga sepatutnya berdoa agar diberikan rasa sabar yang berterusan dalam mentaati perintah dan meninggalkan laranganNya.

Seterusnya, kaedah yang keenam ialah mencontohi golongan yang sabar. Mencontohi golongan tersebut mampu memotivasikan diri dan sentiasa berfikiran positif apabila diuji dengan ujian dan musibah yang berat. Kaedah lain yang dapat membantu kita bersabar ialah mempercayai takdir dan ketentuan Allah SWT. Kita perlu mempercayai ketentuan Allah SWT kerana ketetapan takdir telah disusun dan diatur oleh Allah SWT. Meredai apa yang berlaku adalah dituntut agama. Sekiranya tidak reda atas sesuatu perkara, sudah pasti tindakan yang terzahir itu dipengaruhi oleh rasa kecewa. Kaedah yang terakhir dalam membentuk sifat sabar ialah waspada terhadap halangan sabar. Antara halangan sabar ialah sikap terburu-buru, perasaan marah dan putus asa. Putus asa merupakan cabaran yang dominan kepada seseorang untuk terus bersabar.

Penelitian terhadap buku ini mendapati buku ini amat bagus dan perlu dimiliki oleh segenap masyarakat umat Islam terutama kepada yang mereka yang memerlukan bimbingan ketika menghadapi ujian dan musibah. Secara keseluruhannya, buku ini baik dari segi kupasan dan pendekatannya pula mudah difahami. Ilustrasi yang terdapat dalam buku ini juga mampu

menarik masyarakat untuk membacanya. Susunan bahasa yang baik juga menjadikan buku ini lebih dekat kepada pembaca.

Walau bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu ditambahbaik oleh penterjemah seperti penambahbaikan dari aspek teknikal seperti kesalahan ejaan. Pada muka surat 27, terdapat kesilapan ejaan bagi perkataan kejujuran yang mana telah dieja “kejajuran”. Perkataan penyair pula dieja “pensyair” pada muka surat 12 dan perkataan menyelamatkan dieja “menyelamtkan” pada muka surat 14, iaitu tertinggal perkataan a. Selain itu, terdapat kesalahan ejaan pada perkataan peristiwa yang mana dieja “periatwa” pada muka surat 94.

Manakala dari segi struktur ayat, terdapat ayat yang tidak difahami iaitu pada muka surat 142 iaitu “Pujian kepada orang-orang sabar kerana mereka tergolong dalam golongan yang bersungguh-sungguh dan kelelakian”.

**Siti Zaleha binti Ibrahim**

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor